

**KAJIAN KEBOLEHKERJAAN GRADUAN PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA YANG DIBIYAI OLEH
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)
2011**

ABTRAKS

Pembangunan sumber manusia mahir adalah menjurus kepada melahirkan sumber manusia yang berkemahiran tinggi, mudah- latih dan berdaya saing. Objektif kajian ini adalah untuk a) mengenalpasti kesesuaian bidang pekerjaan yang diceburi dengan bidang kemahiran dimiliki, b) mengenal pasti tempoh graduan mendapat pekerjaan setelah tamat latihan dan c) mengenalpasti gaji permulaan yang diperolehi. Maklumat diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik kepada graduan yang telah tamat pengajian dan yang dibiayai oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Hasil kajian menunjukkan peratusan yang sama banyak bagi kategori kesesuaian bidang pekerjaan samada mengikut bidang atau sebaliknya. Majoriti graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh yang singkat iaitu kurang dari enam (6) bulan manakala gaji permulaan yang diterima oleh kebanyakan graduan adalah RM720 sebulan.

Kata Kunci: Sumber Manusia Mahir, Mudah- Latih, PTPK.